

SULIT

1103/2

Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos 2015
2 ½ jam

NO KAD PENGENALAN

| | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|---|--|---|--|--|--|--|
| | | | | | - | | - | | | | |
|--|--|--|--|--|---|--|---|--|--|--|--|

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2015**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan menguasai pelbagai bahasa dan langkah-langkah untuk menggalakkannya. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada era globalisasi ini, kemampuan untuk menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan satu kelebihan yang cukup istimewa bagi memperkaya pembangunan modal insan. Pembelajaran bahasa antarabangsa dilaksanakan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sejak 1970-an sebagai nilai tambah yang memberi banyak manfaat dan kelebihan kepada pelajar.

Penguasaan dalam pelbagai bahasa bukan sahaja memberi kelebihan dalam berkomunikasi tetapi juga mempunyai kepentingan yang pelbagai. Untuk menguasai pelbagai bahasa ini pula bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai. Hal ini terbukti apabila kita mendengar banyak kejayaan yang dicapai oleh warganegara kita yang menguasai bahasa asing. Banyak juga ahli profesional kita yang dihantar melanjutkan pelajaran ke negara asing dan mereka pulang dengan ijazah dalam bidang kepakaran masing-masing. Selain itu, kita juga berbangga dengan kejayaan seorang pelajar yang memperoleh 9A dalam PMR tahun 2012 yang mampu menguasai sembilan bahasa. Kejayaan juga dapat dilihat pada seorang bekas personaliti TV3 yang mampu menguasai bahasa Perancis, Sepanyol dan Inggeris dengan baiknya.

Kemahiran menguasai bahasa asing dapat memberi nilai tambah kepada pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan dalam pelbagai bahasa dan *kemahiran berkomunikasi* memang merupakan satu pertimbangan penting sesetengah majikan dalam mana-mana syarikat antarabangsa atau multinasional dan tempatan, serta dalam sektor awam dan swasta. Dengan perkataan lain, pihak majikan lazimnya lebih tertarik akan bakal pekerja yang berpengetahuan luas, selain mahir bertutur dalam pelbagai bahasa. Keperluan menguasai pelbagai bahasa asing juga harus dilihat dari sudut untuk meninggikan kualiti sumber tenaga manusia agar mampu menimba ilmu dan teknologi mutakhir.

Penguasaan bahasa asing juga amat penting pada peringkat antarabangsa khususnya membantu dalam bidang perdagangan. Kerajaan memang menggalakkan rakyat negara ini menguasai bahasa Mandarin kerana bahasa tersebut menjadi bahasa perantara yang cukup penting bagi menjalankan hubungan dagangan dengan negara China. Selain itu, kesinambungan pembangunan negara juga amat bergantung pada pemindahan ilmu dan teknologi yang memerlukan penguasaan dalam bahasa Inggeris. Rakyat perlu menguasai bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka memperoleh, mengembangkan dan memindahkan pengetahuan dan teknologi dalam segenap bidang. Dalam bidang diplomatik pula, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) hanya mengiktiraf enam bahasa rasmi dalam setiap persidangan rasmi yang terdiri daripada bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Sepanyol, Cina dan Arab. Oleh itu, para perwakilan tetap Malaysia ke PBB perlu menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa rasmi yang diiktiraf itu untuk membolehkan mereka mengikuti atau mengambil bahagian dalam setiap perbahasan yang melibatkan PBB. Para diplomat Malaysia juga akan lebih dihormati oleh orang asing apabila mereka menggunakan bahasa rasmi negara tempat mereka ditugaskan. Namun, kebanyakan diplomat kita hanya mahir bertutur dalam bahasa Inggeris.

[Lihat Sebelah
SULIT

Menguasai pelbagai bahasa juga membolehkan seseorang itu menceburkan diri dalam bidang penterjemahan, satu bidang yang amat berpotensi lebih-lebih lagi dengan tertubuhnya Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad yang fungsinya adalah untuk menyebarkan dan memindahkan ilmu di negara dan rantau ini. Kita juga boleh memberi sumbangan yang bermakna sebagai jurubahasa dalam bidang kehakiman dan sektor pelancongan sekiranya kita menguasai pelbagai bahasa selain bahasa ibunda.

Dipetik dan diubahsuai daripada

‘Kepentingan Menguasai Pelbagai Bahasa’

oleh Haji Samat Buang,

Fokus, April 2014

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kemahiran berkomunikasi*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan penguasaan terhadap bahasa asing bukan sesuatu yang mustahil untuk dilakukan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan tidak ramai rakyat Malaysia yang menguasai pelbagai bahasa? [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hal ini menusuk masuk ke dalam diriku hingga ibu meninggal. Ibu meninggal dengan aman damai. Tidak sedikit pun menempuh kerumitan. Malam itu kami sudah pun berkumpul kerana ibu memandang langit. Isteriku membaca *Yasin*. Aku duduk di sisi ibu sambil berbisik ke telinganya tidak putus-putus agar ibu jangan lupakan Allah.

Ceper masih keruh airnya, tetapi masih sedikit-sedikit boleh mengalir meskipun langkahnya lambat kalau dibandingkan dengan waktu ibu rancak melompat ke sana dan berlari ke sini dulu. Waktu itu Ceper bukan main lagi cergasnya bagaikan hendak bertanding dengan kecerdasan ibu sendiri.

Tetapi semenjak ibu lumpuh dan kemudian ibu mati, Ceper langsung tidak berbusa dan berombak lagi. Tebing-tebingnya pun tidak ditendang lagi. Lubuk-lubuknya pun tidak dikorek lagi, malah arusnya pun rasa-rasanya begitu lambat bergerak ke kuala kerana Ceper mulai kenyang sangat-sangat dengan serbaneka serdak yang bersisa.

Sudah mula kulihat bangkai ayam, bangkai itik, bangkai biawak, bangkai ular, bangkai babi, bangkai ikan yang sudah busuk berulat, nasi manusia yang sudah berbuih dan berlendir, kain-kain buruk yang sudah kusam, sisa-sisa makanan yang berulat, karung-karung plastik warna-warni yang lusuh dan kerunyuk berarak lambat-lambat di tengah-tengah dada Sungai Ceper. Baunya sudah mulai naik ke darat dan terus masuk ke dalam lubang-lubang hidung kami.

Dipetik daripada cerpen ‘Ibu dan Ceper’
Oleh Shahnon Ahmad
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang terjadi kepada Ceper setelah ibu tiada? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk menjaga kebersihan sungai? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah penuh sarat *geliung* itu dengan wang dinar emas diisikan oleh lanun-lanun itu, mereka pun bermohon kembali ke bahtera masing-masing.

Melihatkan lanun itu telah pergi, jurumudi segera mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam lagi, kemudian dengan keris berdarah itu pergila dia menghadap Tuanku Nakhoda Tua mengatakan diaalah yang telah menyelamatkan *geliung* itu daripada dirampas oleh lanun.

Dengan tidak berfikir panjang lagi, Tuanku Nakhoda Tua percaya kata-kata jurumudi yang palsu itu, lalu baginda menitahkan Mualim Cik Mas menikahkan puterinya dengan jurumudi itu.

Apabila jurumudi dan Mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, masuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, “Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin berminyak, tetapi tua ayahanda tua cendawan makin tua makin busuk!”

Tuanku Nakhoda menjadi tersentak, “Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapa kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?”

Dipetik daripada
'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *geliung*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh jurumudi setelah lanun-lanun itu beredar? [3 markah]
- (iii) Sikap terburu-buru Tuanku Nakhoda Tua dalam membuat keputusan tidak wajar kita contohi.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar kita lakukan sebelum membuat keputusan? [3 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki) (Penyelenggara)
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

[Lihat Sebelah
SULIT

- (i) Apakah seruan penulis dalam rangkap kedua gurindam di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah nilai-nilai murni patut diamalkan dalam kalangan masyarakat di negara kita? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 markah]

“...Dengan tidak berapa pagang lagi, Tuanku Nakhrin tiba perasaan kira-kira seorang ayam lagi, kerana dia dengan ketulusan bercerita ini pergi ke sana mencari tuan. Tuanku Nakhrin Tua mengatakan dia yang telah menyelamatkan gelang ini daripada dicampak oleh hantu.”

“Dengan tidak berapa pagang lagi, Tuanku Nakhrin tiba perasaan kira-kira seorang ayam lagi yang pulih itu, iaitu bagi dia menuntahkan Muslim Cik Mee yang bersama-sama dengan jurumudi ini.”

Apabila jurumudi itu, Muslim sudah sedia di depan Tuanku Nakhrin Tua, meskipun Islam Padri Dayang dia bawa dengan geriminya. “Ya, ayahanda, tetapi apabila dia bertemu Nakhrin Tua pada hari berikutnya, tetapi tua ayahanda dia ceritakan tentang perkembangannya.”

“Perkira Nakhrin Tua menjadi tersentak, “Hai anakku yang baik, apa dia cerita tentang perkembangannya?”

[Inilah waktunya berterakim demikian ini di depan orang ramai.]

“...Dapat dijawab...”

“...Dapat dijawab...”

“...Dapat dijawab...”

“...Dapat dijawab...”

“...Dapat dijawab...”

“...Dapat dijawab...”

- (i) Bahaslah dalam gurindam yang diberikan berdasarkan makna dan makna kiasan. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh pelajar dalam menghadiri pelajaran? [3 markah]

“...Pada pelajaran hari ini, pelajar langsung bangkit dan wajahnya yang lecet dan berlendir. Selain itu, pelajar juga mengeluarkan suara yang keras dan berteriak.”

“...Pada pelajaran hari ini, pelajar langsung bangkit dan wajahnya yang lecet dan berlendir. Selain itu, pelajar juga mengeluarkan suara yang keras dan berteriak. Pelajar tersebut berteriak dengan kuat dan berteriak tanpa berhenti.”

[Antara]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) komelin
- (ii) komitmen
- (iii) komposer
- (iv) kompromi
- (v) konflik
- (vi) konfrontasi

[6 markah]

- (b) Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah**.

- (i) Siapakah yang memecahkan papan kenyataan itu?
- (ii) Program Bina Insan mampu melahirkan remaja yang berakhhlak mulia.
- (iii) Dilarang merokok di dalam kawasan sekolah ini.
- (iv) Pelbagai peluang melanjutkan pelajaran disediakan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.
- (v) Syabas, anda telah berjaya dalam ujian memandu!
- (vi) “Tuan-tuan dijemput ke Kafeteria Suasana untuk jamuan ringan,” kata tuan pengurus majlis.

[6 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak media massa seharusnya menyekat penyebaran pengaruh budaya asing meneruskan rancangan yang disiarkan untuk memelihara jatidiri bangsa Malaysia.
- (ii) Pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk meningkatkan taraf penghidupan kaum nelayan supaya mereka dapat menempuh kehidupan yang selesa.
- (iii) Penggunaan talifon selular dalam kalangan remaja semakin leluasa sekarang dan mereka menganggap penggunaannya sebagai satu keperluan.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan akan memastikan tiada mana-mana gulungan, terutama rakyat yang kurang berkemampuan di luar bandar terpinggir di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.
- (ii) Budaya nasional yang kerajaan laksanakan melalui sistem integrasi secara berperingkat-peringkat dan pragmatik merupakan satu strategi untuk memantapkan ekonomi negara serta membina modal insan bersaing maju.
- (iii) Peminat dan peniaga ikan hiasan ‘flower horn’ diminta menyerahkan ikan itu pada Jabatan Perikanan sekiranya tidak mahu menternaknya lagi.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Orang ramai disarankan supaya beringat-ingat ketika berbelanja. Biarlah perbelanjaan kita berpadanan dengan pendapatan yang kita peroleh.
- (ii) Semua penduduk yang tinggal di kawasan taman perumahan digalakkan saling bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain bagi mewujudkan perpaduan yang kukuh.
- (iii) Pertelingkahan atau pergaduhan kecil yang berlaku dalam kalangan adik-beradik lazimnya tidak akan berpanjangan. Mereka akan mudah melupakan peristiwa itu dan berbaik-baik semula.

[6 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

10

1103/2

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Moh Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **perwatakan** dan **watak sampingan** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **tema** yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT